

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa Labuan sering mengalami gangguan bekalan air yang disebabkan oleh paip pecah. Apakah perancangan Kementerian untuk menangani perkara ini memandangkan Labuan sedang berusaha untuk menarik pelaburan dalam pelbagai industri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan amat komited dalam membantu semua negeri dalam menangani isu air termasuklah di Wilayah Persekutuan Labuan di mana sering mengalami gangguan bekalan air yang disebabkan oleh paip pecah. Oleh yang demikian, terdapat beberapa projek yang melibatkan skop penggantian paip yang telah diluluskan di dalam *Rolling Plan Ke 4 (2020)*, Rancangan Malaysia Ke-11 bagi menangani masalah tersebut seperti:-

a) Projek menaiktaraf & mengganti sistem agihan bekalan air sedia ada di sepanjang Jalan Mohd Salleh & Jalan Bebuloh dari Persimpangan Tun Mustapha hingga terminal minyak mentah Shell di Kiamsan dengan kos projek diluluskan berjumlah RM100 juta. Projek ini di dalam proses penyediaan rekabentuk terperinci oleh perunding yang dilantik dan dijangka kerja-kerja bermula pada penghujung tahun 2020; dan

NO. SOALAN : 409

b) Projek penggantian paip *pumping* di Pulau Enoe WP Labuan dengan kos projek diluluskan berjumlah RM8 juta. Projek ini di dalam proses penyediaan dokumen tender dan di jangka kerja-kerja bermula pada penghujung tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.